

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : KESETIAAN KEPADA RAJA**

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri berkaitan penghinaan kepada Tuanku Sultan Selangor di media sosial?
  
- b) Nyatakan langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk membendung perkara ini tidak berulang.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : AIR PERCUMA UNTUK B40**

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan anggaran penjimatan kewangan Kerajaan Negeri dengan terlaksananya Skim Air Darul Ehsan yang dinikmati oleh golongan B40 sahaja.
- b) Apakah inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada golongan rakyat berpendapatan M40 sebagai ganti kepada pembatalan Skim Air Percuma?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu semenjak Jun 2008 hingga Ogos 2019 dan sejumlah 1.6 juta penduduk Negeri Selangor mendapat manfaat di bawah Program ini.

Apabila Skim Air Darul Ehsan dilaksanakan, penduduk Negeri Selangor yang mendapat manfaat akan berkurang dari 1.6 juta kepada 700,000 akaun. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri dianggarkan sebanyak RM96 juta setahun (bersamaan dengan anggaran RM8 juta sebulan) berbanding RM180 juta (bersamaan dengan anggaran RM15 juta sebulan) di bawah Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu sebelum ini. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyalurkan penjimatan tersebut kepada program-program kebajikan rakyat yang lain.

- b) Matlamat utama dalam melaksanakan Skim Air Darul Ehsan adalah untuk memastikan penyaluran subsidi yang lebih fokus kepada golongan sasaran khususnya kepada golongan berpendapatan isi rumah tidak lebih RM4,000 di seluruh Selangor dalam usaha untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup golongan ini.

Golongan M40 di Negeri Selangor adalah terdiri dari golongan rakyat yang menerima pendapatan bulanan dalam lingkungan RM6,180.00 hingga RM12,469.00. Kerajaan Negeri berpandangan golongan M40 ini berkemampuan untuk membiayai bayaran RM11.40 untuk penggunaan air sebanyak 20 meter padu sebulan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan program kebajikan untuk kepentingan golongan M40 ini antaranya seperti perkhidmatan bas percuma, hadiah anak masuk IPT, TAWAS dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PENGAPUNGAN HARGA PETROL**

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah Kerajaan Negeri untuk pastikan rakyat Selangor tidak terbeban dengan kesan pengapungan harga petrol Ron95 yang bermula Januari 2020 kelak.
- b) Nyatakan usaha dan perancangan Kerajaan Negeri untuk memberi sebarang inisiatif kepada golongan M40 yang perbezaan pendapatannya berbanding B40 tidak jauh.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri sentiasa komited dan perihatin mengenai isu-isu rakyat dalam Negeri Selangor khususnya yang berkaitan dengan kos sara hidup. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sejak tahun 2008 yang kini dikenali sebagai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). IPR menawarkan program-program bantuan dan kebajikan yang bertujuan membantu serta meringankan beban rakyat di pelbagai peringkat termasuklah bagi golongan B40 dan M40, tertakluk kepada kelayakan dan syarat yang telah ditetapkan.

Sebanyak tiga puluh dua (32) buah program di bawah IPR telah diperkenalkan berdasarkan pembahagian mengikut kluster iaitu kluster Kebajikan, Kesihatan, Kekeluargaan, Pendidikan, Pekerjaan & Perniagaan dan Perumahan. Program-program yang dirangka ini bertujuan memberi bantuan dan kebajikan, sekaligus dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan mengurangkan kesan pengapungan harga petrol Ron95 yang bermula pada Januari 2020.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : DASAR KERJASAMA SWASTA DALAM MEMAJUKAN KAWASAN**

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan dasar penggalakan swasta untuk menjadi rakan strategik untuk membangunkan kawasan-kawasan di Selangor?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan dasar tersebut memberikan kebaikan kepada kawasan luar bandar seperti DUN Sg Air Tawar yang masih jauh ketinggalan dari aspek pembangunan fizikal?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri sentiasa terbuka dalam menggalakkan penyertaan sektor swasta melalui kerjasama yang strategik khusus bagi membangunkan kawasan-kawasan di sekitar Selangor. Di dalam usaha ini, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) antara lainya berperanan membantu memproses permohonan pembangunan fizikal melalui kerjasama awam-swasta dan melakukan pemantauan ke atas projek-projek tersebut agar impak pembangunan dapat dinikmati rakyat.

Dalam usaha memacu pembangunan di kawasan luar bandar khususnya di Daerah Sabak Bernam, Kerajaan Negeri melalui UPEN telah mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi Sabak Bernam yang kini sedang merangka hala tuju dan mengkaji beberapa cadangan pembangunan fizikal dan bukan fizikal oleh Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB). Melalui pembangunan fizikal dan bukan fizikal tersebut, Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi Sabak Bernam percaya ianya dapat merancakkan ekonomi masyarakat tempatan.

Melalui kerjasama strategik bersama Sektor Swasta, Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan semula Rumah Rehat Sabak Bernam dan Kelong Paradise Waterfront Resort yang terletak di Bagan Nakhoda Omar. Kedua-dua premis ini dilihat mempunyai potensi yang tinggi untuk digarap sebagai tumpuan pelancongan yang terulung di Negeri Selangor.

Justeru, pelantikan pengurusan baharu bagi kedua-dua premis tersebut akan dilantik di kalangan syarikat yang mempunyai pengalaman dan tahap kewangan yang kukuh serta komited dalam menjayakan hasrat Kerajaan

Negeri bagi pembangunan semula kedua-dua premis tersebut melalui kaedah *Request for Proposal*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah anak syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Sejauh mana prestasi kewangan syarikat-syarikat tersebut dari tahun 2018 sehingga September 2019?
- c) Apakah tanggungjawab sosial syarikat-syarikat terbabit dan nyatakan sumbangan tanggungjawab sosial syarikat tersebut bagi tahun 2018 - September 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat 141 syarikat GLC di bawah Kumpulan MBI seperti perincian berikut :-
  - i. Anak syarikat milikan penuh MBI - 19 syarikat
  - ii. Anak syarikat tidak langsung - 94 syarikat
  - iii. Syarikat Bersekutu langsung - 1 syarikat
  - iv. Syarikat Bersekutu tidak langsung - 27 syarikat

Status adalah seperti perincian berikut :-

- i. 103 syarikat berstatus aktif
  - Anak syarikat milikan penuh MBI - 19 syarikat
  - Anak syarikat tidak langsung - 61 syarikat
  - Syarikat Bersekutu langsung - 1 syarikat
  - Syarikat Bersekutu tidak langsung - 22 syarikat
- ii. 38 syarikat berstatus Dorman (termasuk 26 syarikat *under liquidation*)
  - Anak syarikat milikan penuh MBI - Tiada
  - Anak syarikat tidak langsung - 33 syarikat (termasuk *under liquidation*)
  - Syarikat Bersekutu langsung - 0 syarikat
  - Syarikat Bersekutu tidak langsung - 5 syarikat (termasuk *under liquidation*)

iii. *Under liquidation* – 26 syarikat

b) Prestasi kewangan syarikat-syarikat tersebut dari tahun 2018 sehingga September 2019 adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Syarikat	Hasil Pendapatan (Syarikat)		Keuntungan sebelum Cukai (Syarikat)	
		Setakat 30/09/2019 (RM)	31/12/2018 (RM)	Setakat 30/09/2019 (RM)	31/12/2018 (RM)
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	252,997,245	120,333,757	138,826,090	19,021,285
<b>ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI</b>					
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	114,802,000	22,526,000	(25,580,000)	(27,484,000)
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad	33,787,000	43,057,000	5,264,000	4,560,000
3	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	6,871,417	9,024,197	2,474,020	2,745,587
4	Tourism Selangor Sdn Bhd	7,201,606	8,111,098	1,006,562	(275,720)
5	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	72,931,488	102,049,104	19,981,544	6,639,376
6	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad	1,005,444	1,365,632	(287,912)	(509,222)
7	Communication Corporation Sdn Bhd	16,101,282	26,202,503	218,360	370,436
8	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	72,605,691	111,323,486	(4,994,189)	(285,154)
9	Inpen (Selangor) Sdn Bhd	4,637,945	9,490,739	(262,671)	595,348
10	Invest Selangor Berhad	29,918,477	32,703,578	14,377,440	5,469,922
11	Rangkaian Mesra Sdn Bhd	665,000	615,053	28,872	(39,332)
12	Yayasan Warisan Anak Selangor	2,265,615	3,454,720	501,867	372,469
13	Yayasan Hijrah Selangor	10,091,025	13,408,008	2,217,981	2,406,655
14	SRM Setia Sdn Bhd	16,861,775	23,076,418	1,677,493	2,171,834
15	Smartsel Sdn Bhd	82,500	356,667	(511,341)	(2,582,168)
16	Landasan Lumayan Sdn Bhd	-	-	(10,706,632)	(7,443,057)
17	KDEB Waste Management Sdn Bhd	292,751,000	196,443,000	11,858,000	9,343,000
18	Darul Ehsan Investment Group Berhad	-	-	-	(11,473)
19	SSDU Innovations Sdn Bhd	4,090,000	7,294,705	589,000	193,976

- c) Tanggungjawab sosial setiap anak syarikat di bawah Kumpulan MBI adalah berbeza dan tertakluk kepada bajet yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah serta baki tunai bersih yang dimiliki oleh setiap syarikat.

Tanggungjawab sosial bagi anak-anak syarikat di bawah Kumpulan MBI yang berorientasikan keuntungan akan dibuat secara memberi sumbangan bagi menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri dan CSR.

Perincian sumbangan bagi menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri dan CSR Kumpulan MBI adalah seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Setakat 30/09/2019 (RM)</b>	<b>31/12/2018 (RM)</b>
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	57,580,230	52,429,561
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad	5,925,794	3,426,597
3	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	5,200,000	2,155,585
4	KDEB Waste Sdn Bhd	1,113,000	1,153,306
5	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	-	620,274
6	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	58,800	52,270
7	SRM Setia Sdn Bhd	5,000	182,574
	<b>Jumlah</b>	<b>69,882,824</b>	<b>60,020,167</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : STATUS KEWANGAN PBT**

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status kewangan setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor?
- b) Bagaimanakah prestasi kutipan hasil Pihak Berkuasa Tempatan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bagi tahun 2018 dan tahun 2019 sehingga September?
- c) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan untuk meningkatkan hasil pendapatan mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya status kewangan PBT Negeri Selangor adalah berada di keadaan yang baik dengan jumlah rizab RM994.04 juta pada tahun 2018. Rizab diperolehi dengan mengambil kira jumlah kesetaraan tunai ditolak dengan tanggungan semasa jangka pendek bertujuan bagi melihat kedudukan tunai PBT. Butiran terperinci rizab tunai PBT Negeri Selangor bagi tempoh 2017 dan 2018 adalah seperti di Jadual Berikut;

<b>PBT</b>	<b>Rizab Tunai Tahun 2014 (RM JUTA)</b>	<b>Rizab Tunai Tahun 2015 (RM JUTA)</b>	<b>Rizab Tunai Tahun 2016 (RM JUTA)</b>	<b>Rizab Tunai Tahun 2017 (RM JUTA)</b>	<b>Rizab Tunai Tahun 2018 (RM JUTA)</b>
MBSA	370.84	401.13	454.81	303.35	356.64
MBPJ	415.17	411.21	360.08	98.43	31.08
MPK	28.86	82.89	176.15	90.34	113.82
MPAJ	92.87	107.91	90.73	36.37	27.00
MPSJ	128.49	102.52	120.70	(4.40)	(9.64)
MPS	44.77	70.52	150.54	29.87	37.01
MPKj	172.84	207.50	264.68	73.91	92.05
MPSP	133.04	192.29	250.40	177.14	222.82
MDKL	28.77	35.03	47.42	41.06	62.26
MDHS	16.32	43.88	56.83	56.26	58.13
MDKS	(8.05)	12.16	13.12	(64.55)	2.52
MDSB	9.40	5.58	4.85	1.18	0.35
<b>JUMLAH</b>	<b>1,433.32</b>	<b>1,672.62</b>	<b>1,990.31</b>	<b>839.96</b>	<b>994.04</b>

- b) Hasil kutipan Cukai taksiran semasa adalah berjumlah RM1,265.62 Juta (93%) dan tunggakan cukai pula RM173.74 Juta (80%) pada tahun 2018. Manakala bagi tahun 2019 sehingga 15 September adalah berjumlah RM1,223.86 Juta (87.76%) Cukai taksiran semasa dan RM154.96 Juta (71.31%) bagi tunggakan cukai yang telah dikutip. Perincian mengikut PBT adalah seperti di Jadual Berikut:

<b>LAPORAN CUKAI TAKSIRAN SEMASA BAGI TAHUN 2018</b>				
<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH PERLU DIKUTIP TAHUN 2018 (RM)</b>	<b>JUMLAH TELAH DIKUTIP SEHINGGA DISEMBER 2018 (RM)</b>	<b>PERATUS YANG TELAH DIKUTIP (%)</b>
1	MPSp	100,200,000.00	97,968,065.00	98
2	MBPJ	227,951,372.00	222,346,904.00	98
3	MDHS	43,000,000.00	41,620,114.61	97
4	MDKS	26,200,000.00	24,899,312.59	95
5	MPK	162,388,706.00	154,148,560.69	95
6	MPS	100,000,000.00	94,359,742.24	94
7	MBSA	284,875,060.00	266,023,726.89	93
8	MPKj	99,423,971.00	89,791,818.91	90
9	MDKL	31,500,000.00	28,390,324.00	90
10	MPSJ	181,000,000.00	161,235,432.06	89
11	MPAJ	90,898,067.00	80,391,899.18	88
12	MDSB	6,079,000.00	4,446,723.75	73
<b>JUMLAH</b>		<b>1,353,516,176.00</b>	<b>1,265,622,623.92</b>	<b>93</b>

<b>LAPORAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (TAHUNAN)</b>				
<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH PERLU DIKUTIP TAHUN 2018 (RM)</b>	<b>JUMLAH TELAH DIKUTIP SEHINGGA DISEMBER 2018 (RM)</b>	<b>PERATUS YANG TELAH DIKUTIP (%)</b>
1	MPSJ	37,200,000.00	36,829,408.53	99
2	MPSp	8,896,280.00	8,732,954.00	98
3	MBPJ	27,048,628.00	26,465,511.00	98
4	MPKj	14,355,359.80	13,080,690.61	91
5	MDKL	6,000,000.00	5,075,615.00	85
6	MDHS	15,000,000.00	12,106,782.38	81
7	MPAJ	10,702,033.00	8,400,963.67	78
8	MPS	12,001,091.00	9,060,692.85	75
9	MDKS	7,000,000.00	5,094,561.25	73
10	MPK	39,162,372.97	27,478,993.10	70
11	MBSA	37,671,540.46	20,610,076.00	55
12	MDSB	1,500,000.00	807,889.67	54
<b>JUMLAH</b>		<b>216,537,305.23</b>	<b>173,744,138.06</b>	<b>80</b>

**LAPORAN CUKAI TAKSIRAN SEMASA TAHUN 2019**

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH PERLU DIKUTIP TAHUN 2019 (RM)</b>	<b>JUMLAH TELAH DIKUTIP SEHINGGA 15 SEPTEMBER 2019 (RM)</b>	<b>PERATUS YANG TELAH DIKUTIP (%)</b>
1	MPSP	110,500,000.00	105,057,293.00	95.07
2	MBSA	290,814,608.85	265,803,161.29	91.40
3	MPKj	100,483,899.03	88,389,263.72	87.96
4	MPSJ	182,000,000.00	159,123,049.64	87.43
5	MPK	174,375,824.39	151,288,837.12	86.76
6	MPS	103,000,000.00	89,183,307.34	86.59
7	MBPJ	230,781,455.00	198,824,600.00	86.15
8	MDHS	45,787,306.44	38,981,573.51	85.14
9	MPAJ	90,898,067.00	75,661,410.62	83.24
10	MDKS	28,200,000.00	22,517,289.68	79.85
11	MDKL	32,580,000.00	25,411,432.00	78.00
12	MDSB	5,152,900.23	3,625,248.76	70.35
<b>JUMLAH</b>		<b>1,394,574,060.94</b>	<b>1,223,866,466.68</b>	<b>87.76</b>

<b>LAPORAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (TAHUNAN)</b>				
<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH PERLU DIKUTIP TAHUN 2019 (RM)</b>	<b>JUMLAH TELAH DIKUTIP SEHINGGA 15 SEPTEMBER 2019 (RM)</b>	<b>PERATUS YANG TELAH DIKUTIP (%)</b>
1	MDKL	5,000,000.00	4,954,416.00	99.09
2	MPSp	10,630,560.00	10,165,063.00	95.62
3	MDHS	15,000,000.00	13,396,717.11	89.31
4	MPAJ	10,702,033.00	9,139,817.69	85.40
5	MPSJ	38,000,000.00	28,493,158.43	74.98
6	MBSA	28,428,036.29	20,607,398.56	72.49
7	MBPJ	42,218,545.00	29,531,510.00	69.95
8	MPKJ	15,136,223.45	10,180,830.37	67.26
9	MPS	7,000,000.00	4,654,431.60	66.49
10	MDKS	7,000,000.00	3,926,720.73	56.10
11	MPK	36,682,446.09	19,394,836.90	52.87
12	MDSB	1,510,589.94	518,121.55	34.30
<b>JUMLAH</b>		<b>217,308,433.77</b>	<b>154,963,021.94</b>	<b>71.31</b>

- c) Kerajaan Negeri sentiasa memantau kutipan hasil di PBT Negeri Selangor melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tunai yang dipengerusi oleh YAB Menteri Besar agar hasil yang dikutip dapat dapat memenuhi sasaran yang telah ditetapkan melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 7/2006. Setiap perbelanjaan PBT juga perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri mengikut Seksyen 57 Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi memastikan hasil yang dikutip dibelanjakan secara berhemah dan dipulangkan kepada rakyat dengan pembangunan setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : INSENTIF UNTUK PETANI MENINGKAT PENDAPATAN**

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempertimbangkan insentif khas atau sebarang dana bantuan kepada petani khususnya yang ingin mengusahakan tanaman kelapa sawit dan kelapa untuk mengusahakan tanaman lain sebagai sumber pendapatan tambahan kesan daripada harga komoditi sawit dan kelapa yang tidak stabil?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sedar akan kejatuhan harga minyak kelapa sawit yang sedang berlaku pada ketika iaitu daripada purata harga jualan minyak sawit mentah hantaran tempatan pada bulan Ogos 2016 berjumlah RM2,633.00 turun pada RM2,066.50 pada bulan Ogos 2019 iaitu penurunan sebanyak 21.2%. Berdasarkan faktor tersebut, Kerajaan Negeri bersama-sama Kementerian Industri Utama (MPI) telah mengadakan perbincangan pada 7 Oktober 2019 di mana salah satu daripada agenda yang diperbincangkan adalah untuk menggalakkan pekebun kecil kelapa sawit mengerjakan tanaman makanan bersifat jangka pendek bagi meningkatkan pendapatan seperti sayur daun dan sayur buah. Galakan tersebut juga akan turut dipanjangkan kepada pengusaha tanaman industri kelapa.

Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan Program Tanaman Sayuran & Kontan di bawah Jabatan Pertanian Selangor meliputi bantuan berbentuk input-input pertanian, benih, peralatan serta penyediaan kawasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : ISU PEROBOHAN RUMAH**

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini isu perobohan rumah di Kampung Sungai Kedondong Paya Jaras?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan memberi pampasan atau kemudahan prasarana kepada keluarga yang rumah mereka dirobuhkan?

**JAWAPAN:**

- a) Tindakan penguatkuasaan di Sungai Kedondong Kampung Paya Jaras adalah kerana adanya struktur binaan di atas tanah kerajaan rizab sungai. Tanah tersebut terlibat dengan pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedondong. Sebanyak 95 buah struktur yang terlibat dengan tindakan penguatkuasaan iaitu 85 buah bangunan kediaman dan 10 buah adalah lain-lain binaan seperti kedai runcit, bengkel dan garaj.

Tindakan penguatkuasaan dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama iaitu Plot C dan D sebanyak 45 buah struktur binaan telah selesai dibuat tindakan penguatkuasaan pada 18 September 2019 dan 10 Oktober 2019.

Fasa kedua iaitu Plot A dan B sebanyak 50 buah struktur binaan masih belum dibuat tindakan penguatkuasaan. Kerajaan Negeri telah bersetuju menanggungkan tindakan penguatkuasaan bagi Plot A dan B sehingga 1 Disember 2019.

- b) Kerajaan Negeri telah menawarkan pembelian Rumah SelangorKu di Aman Putri, Petaling kepada semua pemilik struktur kediaman yang terlibat. Lembaga Zakat Selangor juga turut membuat banciaan kepada pemilik struktur kediaman bagi mengenal pasti pemilik struktur yang layak menerima bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : DASAR RUMAH SETINGGAN**

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai dasar penempatan setinggan? Jika ada, nyatakan.
- b) Nyatakan dasar Kerajaan Negeri yang ada membabitkan isu perumahan di Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) ke 37/2009 yang disahkan pada 25 November 2009 berkenaan Isu Perobohan Rumah Setinggan, *MMKN telah menimbang dan bersetuju bahawa rumah kediaman yang didiami oleh Warganegara Malaysia yang dibina sebelum Jun 2008 atas tanah kerajaan akan dikecualikan daripada tindakan perobohan rumah setinggan supaya rundingan penyelesaian dapat dilakukan. Manakala rumah setinggan yang tidak termaktub kepada syarat-syarat ini tidak akan diberi pengecualian oleh Kerajaan Negeri.*

Manakala melalui keputusan MMKN ke 7/2014 yang disahkan pada 26 Februari 2014 berkenaan Penempatan Peneroka Bandar, *“MMKN bersetuju penempatan asal peneroka bandar dirobuhkan setelah mereka mendiami penempatan baru. Ini bertujuan mengelakkan isu penempatan asal tersebut disewakan atau didiami peneroka bandar yang baru. Terdapat juga peneroka asal terus mendiami penempatan berkenaan sepertimana yang berlaku di Kampung Kenangan dan Kampung Berembang. Sehubungan dengan itu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) diminta menyelaras isu penempatan peneroka bandar bagi pembangunan baru dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah Daerah yang terlibat. Lokasi asal peneroka bandar perlu segera dirobuhkan dan diselenggara untuk kemudahan awam sebaik sahaja peneroka bandar mendiami penempatan baru.”*

Oleh yang demikian bagi menjawab kepada soalan yang diajukan di atas, buat masa sekarang Kerajaan Negeri tidak mempunyai dasar penempatan setinggan yang spesifik. Walau bagaimanapun, terdapat penyelesaian yang dibuat oleh Pejabat Tanah Daerah (PTD) yang berkenaan berdasarkan mengikut keadaan kes (“case by case basis”) di mana cadangan untuk

penyelesaian penempatan setinggan akan diangkat untuk pertimbangan MMKN dan disyorkan untuk ditawarkan mana-mana projek rumah kos rendah melalui LPHS tertakluk kepada kesediaan unit atau projek yang ada.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, terdapat lapan (8) dasar yang berkaitan langsung dengan perumahan dan hartanah dijadikan rujukan dalam pembangunan iaitu :

1) Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku 2.0).

- Dasar ini adalah bertujuan untuk merealisasikan matlamat “Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna’. Ini adalah bagi memastikan setiap rakyat atau keluarga mempunyai tempat tinggal yang baik, selesa dan selamat untuk didiami. Antara intipati dasar tersebut adalah seperti berikut :

- i) Pengenaan syarat-syarat penyediaan komponen Rumah Selangorku (peratus penyediaan/ bilangan unit, jenis Rumah Selangorku, saiz bangunan dan harga jualan).

- ii) Garis panduan spesifikasi Rumah Selangorku bagi mencapai matlamat Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menyediakan rumah yang selesa, mudah diselenggara dan selamat untuk didiami.

- iii) Kawalan dan kaedah penyelesaian kepada isu-isu yang dihadapi dalam proses perancangan, pembangunan, penjualan dan penguatkuasaan.

2) Dasar Rumah Selangorku Berkaitan Pembangunan Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) (Pindaan 2018).

- Program Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) merupakan satu usaha kerajaan bagi membantu penjawat awam memiliki kediaman yang berkualiti di lokasi yang strategik pada harga yang lebih murah daripada harga pasaran.

- Dasar ini diwujudkan sebagai rujukan serta panduan kepada pemaju dan jabatan-jabatan Teknikal dalam memproses permohonan yang melibatkan projek PPA1M dan Rumah Selangorku.

- Antara kandungan dasar ini adalah pengenaan syarat-syarat penyediaan perumahan PPA1M dan komponen Rumah Selangorku

(peratus penyediaan/ bilangan unit, jenis Rumah Selangorku, saiz bangunan dan harga jualan).

3) Dasar Rumah Selangorku Berkaitan Pembangunan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) (Pindaan 2018).

- Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ditubuhkan di bawah Akta Perumahan Rakyat 1 Malaysia 2012 (Akta 739) untuk merancang, membangun, membina dan menawarkan perumahan berkualiti tinggi berkonsepkan gaya hidup moden bagi penduduk bandar berpendapatan sederhana.
- Dasar ini diwujudkan sebagai rujukan serta panduan kepada pemaju dan jabatan-jabatan Teknikal dalam memproses permohonan yang melibatkan projek PR1MA dan Rumah Selangorku.
- Antara kandungan dasar ini adalah pengenalan syarat-syarat penyediaan perumahan PR1MA dan komponen Rumah Selangorku (peratus penyediaan/ bilangan unit, jenis Rumah Selangorku, saiz bangunan dan harga jualan).

4) Dasar Pembangunan Pangsapuri Kediaman Komersial dan 'Boutique Office' Mampu Milik Negeri Selangor.

- Dasar ini dijadikan panduan di dalam penyediaan unit-unit / ruang Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik, Small Office Home Office (SOHO) Mampu Milik, Small Office Versatile Office (SOVO) Mampu Milik dan Small Office Flexible Office (SOFO) Mampu Milik berdasarkan kepada bilangan unit keseluruhan yang disediakan.
- Penyediaan dan penjualan disasarkan khusus kepada golongan usahawan baru/ muda yang menceburi bidang perniagaan/ usahawan yang mana tidak memerlukan ruang pejabat yang luas dan mampu dimiliki.

5) Dasar Perancangan Pembangunan Berorientasikan Transit Negeri Selangor (TOD).

- Menggalakkan penduduk yang mendiami di kawasan berhampiran stesen transit untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

- Mengurangkan perjalanan keluar masuk penduduk dengan mengutamakan pembangunan bercampur di Zon Pembangunan Transit (ZPT) yang mengandungi pelbagai aktiviti penggunaan iaitu kediaman, perniagaan, pejabat, kemudahan masyarakat dan bersosial.
- Mengambil kira golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah untuk menggunakan kemudahan pengangkutan awam dengan memberi peluang untuk memiliki hartanah dan mendiami di kawasan ZPT.

6) Mekanisma Penyelenggaraan Kuota Bumiputera Negeri Selangor.

- Mengawal dan memproses segala permohonan pelepasan unit-unit hartanah kuota Bumiputera oleh pemaju dan individu.
- Unit-unit hartanah Bumiputera yang diluluskan pelepasan, akan dikenakan syarat pemulangan potongan harga Bumiputera di antara 7 peratus hingga 10 peratus daripada harga jualan kepada LPHS sebelum pindahmilik dibuat.
- Bagi unit-unit hartanah Bumiputera yang dijual tanpa mendapat kelulusan, akan dikenakan syarat pemulangan potongan harga Bumiputera 7 peratus hingga 10 peratus dan tambahan 5 peratus caj pelanggaran mekanisma penyelenggaraan kuota Bumiputera daripada harga jualan kepada LPHS sebelum pindahmilik dibuat.

7) Garis Panduan Perolehan Oleh Warganegara Asing/ Penduduk Tetap/ Syarikat Asing Di Negeri Selangor.

- Satu dasar/ garis panduan mengenai perolehan hartanah oleh Warga Asing/ Penduduk Tetap/ Syarikat Asing di Negeri Selangor yang merangkumi kuota jualan, syarat-syarat permohonan, kaedah permohonan, bayaran yang dikenakan dan tempoh sah kelulusan.

8) Garis Panduan Berhubung Kriteria Individu dan Syarikat Bagi Permohonan Kebenaran Untuk Memiliki Hartanah Di Bawah Kuota Bumiputera di Negeri Selangor.

- Pentakrifkan istilah Bumiputera dan kaedah dalam mengendalikan permohonan kebenaran serta pengesahan status Bumiputera oleh individu mahupun syarikat untuk memiliki hartanah di bawah kuota Bumiputera di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : ADN @ AHLI POLITIK DILANTIK ALP GLC**

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah ADN atau ahli politik yang telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi anak syarikat di Selangor.
- b) Atas sebab apa lantikan mereka ini dilantik? Berdasarkan pengalaman atau bidang profesional yang mereka mahir.
- c) Sejauh mana peranan mereka sebagai Ahli Lembaga Pengarah memajukan syarikat yang melantik mereka?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PERMOHONAN RUMAH SELANGORKU**

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini projek belum siap dan dalam perancangan keseluruhan unit Rumah Selangorku sehingga September 2019 mengikut daerah.
- b) Berapakah jumlah permohonan Rumah Selangorku yang telah berjaya, tidak layak dan menunggu?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhan sebanyak 239 projek (**106,895 unit**) Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerjaan Negeri (MMKN) masih belum disiapkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 projek (**22,255 unit**) Rumah Selangorku kini sedang dibina dan sebanyak 178 projek (**84,640 unit**) Rumah Selangorku lagi masih dalam perancangan. Perincian statistik mengikut daerah adalah seperti berikut:-

STATUS	BIL PROJEK	JENIS RUMAH SELANGORKU					JUMLAH
		A	B	C	D	E	
<b>A.PEMBINAAN</b>	<b>61</b>	<b>881</b>	<b>3,264</b>	<b>8,309</b>	<b>9,820</b>	<b>0</b>	<b>22,255</b>
Gombak	5	-	90	756	889	-	1,735
Hulu Langat	9	228	849	560	505	-	2,142
Hulu Selangor	4	-	-	-	371	-	371
Klang	5	84	85	459	1,060	-	1,688
Kuala Langat	7	150	300	1,312	669	-	2,412
Kuala Selangor	8	140	120	1,175	380	-	1,815
Petaling	9	-	1140	2,020	1,556	-	4,716
Sabak Bernam	1	-	-	41	54	-	95
Sepang	13	279	680	1,986	4,336	-	7,281
<b>B.PERANCANGAN</b>	<b>178</b>	<b>10,194</b>	<b>18243</b>	<b>30,198</b>	<b>23,424</b>	<b>2,796</b>	<b>84,640</b>
Gombak	29	2,454	3055	6,722	3,184	45	15,245
Hulu Langat	41	1,748	5572	6,810	3,791	2751	20,672
Hulu Selangor	6	-	78	625	632	-	1,335

STATUS	BIL PROJEK	JENIS RUMAH SELANGORKU					JUMLAH
		A	B	C	D	E	
Klang	17	1,238	2245	4,356	4,224	-	12,063
Kuala Langat	10	336	1158	1,415	1,340	-	4,249
Kuala Selangor	15	159	1127	1,815	1,313	-	4,414
Petaling	35	3,073	2746	4,592	5,382	-	15,793
Sabak Bernam	2	-	-	-	124	-	124
Sepang	23	1,186	2262	3,863	3,434	-	10,745
<b>JUMLAH (A+B)</b>	<b>239</b>	<b>11,075</b>	<b>21,507</b>	<b>38,507</b>	<b>33,244</b>	<b>2,796</b>	<b>106,895</b>

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan Rumah Selangorku yang telah berjaya adalah seramai **27,159 pemohon (25%)** dan jumlah pemohon yang tidak layak dan menolak tawaran adalah seramai **25,419 pemohon (23%)**. Manakala jumlah pemohon yang masih aktif dalam Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku (SPPR) bagi pemohon yang belum berjaya ditawarkan atau status senarai menunggu adalah **56,782 pemohon (52%)**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PEKERJA ASING**

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah pekerja asing di Selangor dari 2016-2018 mengikut negara.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengekang peningkatan jumlah pekerja asing di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Statistik jumlah pekerja asing di Selangor dari tahun 2016-2018 mengikut negara adalah seperti di Lampiran.
- b) Pusat JobsMalaysia ialah salah satu unit di Jabatan Tenaga Kerja Selangor, telah melaksanakan beberapa program Karnival Pekerjaan kepada rakyat sepanjang 2019. Penganjuran karnival ini ialah membantu lebih banyak warga tempatan mendapat pekerjaan terutamanya di Selangor. Majikan juga perlu menawarkan gaji melebihi gaji minima kepada pekerja tempatan dan pelbagai tawaran faedah pekerjaan supaya menarik minat pekerja tempatan bekerja terutama sektor-sektor yang biasanya dijawat oleh pekerja asing. Usaha ini perlu mendapat sokongan yang lebih kuat daripada Kerajaan Negeri supaya peningkatan tenaga kerja tempatan dapat mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : AIR PERCUMA**

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan pembiayaan air percuma bagi tahun 2019 hingga Mac 2020?
- b) Apakah sebab utama Skim Air Percuma ditukar kepada Skim Air Darul Ehsan yang baru?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu semenjak Jun 2008 hingga Ogos 2019 dan sejumlah 1.6 juta penduduk Negeri Selangor mendapat manfaat di bawah Program ini.

Apabila Skim Air Darul Ehsan dilaksanakan, penduduk Negeri Selangor yang mendapat manfaat akan berkurang dari 1.6 juta kepada 700,000 akaun. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri dianggarkan sebanyak RM96 juta setahun (bersamaan dengan anggaran RM8 juta sebulan) berbanding RM180 juta (bersamaan dengan anggaran RM15 juta sebulan) di bawah Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu sebelum ini.

- b) Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu ini dijenamakan semula sebagai Skim Air Darul Ehsan untuk memastikan penyaluran subsidi yang lebih fokus kepada golongan sasar khususnya kepada golongan berpendapatan isi rumah tidak lebih RM4,000 di seluruh Selangor dalam usaha untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup golongan ini. Ia juga bertujuan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan kerana di bawah Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu, semua pengguna air di Negeri Selangor tanpa mengira pendapatan menikmati air percuma ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : GRADUAN UNISEL**

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah graduan UNISEL dari 2016-2019 mengikut kursus yang diambil.
- b) Sejauh mana hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan UNISEL sebagai tempat pendidikan percuma kepada rakyat?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah Graduan UNISEL dari 2016-2019 mengikut kursus yang diambil adalah seperti berikut:

BIL	FAKULTI / PROGRAM	2016	2017	2018	2019
		BILANGAN GRADUAN			
1	<b>Perniagaan dan Perakaunan</b>				
	1. Diploma Pengurusan Perniagaan	156	133	175	186
	2. Diploma Perakaunan	61	49	50	75
	3. Diploma Pengurusan Pentadbiran	96	84	95	73
	4. Diploma Pengurusan Industri Sukan	67	58	55	54
	5. Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)	86	94	123	77
	6. Sarjana Muda Kewangan (Kepujian)	51	71	126	50
	7. Sarjana Muda Pemasaran dengan Kepujian	17	19	21	14
	8. Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kepujian)	134	118	143	107
	9. Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia (Kepujian)	236	212	266	153
	10. Sarjana Muda Pengurusan Industri (Kepujian)	45	49	56	14
	11. Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian)	0	0	0	0
	12. Sarjana Pentadbiran Perniagaan	23	8	14	1
	13. Sarjana Pengurusan (Melalui Penyelidikan)	0	1	1	0
	14. Doktor Falsafah Pengurusan (Melalui Penyelidikan)	3	6	3	2
	15. Diploma Pengurusan Perniagaan (Program Francais Unisel- KOLEJ EASTERN SABAH)	11	0	13	0
	16. Sarjana Muda Pengurusan Industri (Kepujian) (Program Kerjasama UNISEL - Kolej Eastern Sabah)	7	0	0	0
	<b>JUMLAH MENGIKUT FAKULTI</b>	993	902	1141	806
2	<b>Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran</b>				
	<b>Jabatan Seni Visual</b>				
	1. Diploma Seni Reka Grafik Digital	53	28	83	34

BIL	FAKULTI / PROGRAM	2016	2017	2018	2019
		BILANGAN GRADUAN			
	2. Diploma Teknologi Fotografi	22	14	29	15
	3. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Seni Reka Grafik Digital	41	28	64	21
	4. Ijazah Sarjana Muda Kesenian (Kepujian) Teknologi Fotografi Kreatif	0	0	0	0
	5. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Filem dan Animasi	0	0	0	0
	<b>JUMLAH</b>	116	70	176	70
	<b>Jabatan Komunikasi</b>				
	1. Diploma Komunikasi dan Media	115	104	100	33
	2. Diploma Sains Perpustakaan	8	6	9	8
	3. Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) (Komunikasi Korporat)	77	53	99	9
	4. Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) (Kewartawanan)	31	18	46	5
	5. Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan (Kepujian)	70	22	12	7
	<b>JUMLAH</b>	301	203	266	62
	<b>Jabatan Teknologi Maklumat</b>				
	1. Diploma Teknologi Maklumat	14	2	30	34
	2. Diploma Industri Multimedia	14	8	14	6
	3. Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Mudah Alih)	4	2	4	1
	4. Diploma Aplikasi Komputer dalam Perniagaan	1	1	2	0
	5. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian)	15	3	23	30
	6. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Pengurusan Pengetahuan)(Kepujian)	6	3	5	8
	7. Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi Maklumat dengan Pengurusan Rantai Bekalan (Kepujian)	3	13	15	16
	8. Ijazah Sarjana Muda Industri Multimedia (Kepujian)	10	12	26	14
	9. Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat	2	5	4	2

BIL	FAKULTI / PROGRAM	2016	2017	2018	2019
		BILANGAN GRADUAN			
	<b>JUMLAH</b>	69	49	123	111
	<b>Jabatan Sains Komputer</b>				
	1. Diploma Sains Komputer (Pengkompoteran Industri)	17	11	9	21
	2. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) (Kepujian)	30	13	15	9
	3. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian)	30	4	11	6
	4. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian)(Keselamatan Rangkaian dan Digital Forensik)	8	3	17	12
	5. Ijazah Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	1	0	1	0
	6. Sarjana Sains (Pengkompoteran)	1	0	0	0
	7. Doktor Falsafah Pengkompoteran (Melalui Penyelidikan)	0	0	0	1
	<b>JUMLAH</b>	87	31	53	49
	<b>JUMLAH MENGIKUT FAKULTI</b>	573	353	618	292
<b>3</b>	<b>Pendidikan dan Sains Sosial</b>				
	1. Diploma Pendidikan (Pengajian Prasekolah)	196	194	164	234
	2. Diploma Pendidikan (Pengajian Islam)	58	39	18	33
	3. Diploma Pengajian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua	108	91	57	126
	<b>FAKULTI /PROGRAM</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
	4. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua	152	122	78	103
	5. Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris Untuk Industri	0	0	0	0
	6. Ijazah Sarjana Muda Psikologi Industri (Kepujian)	51	42	36	18
	7. Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) Pendidikan Awal Kanak-Kanak	315	205	219	63
	8. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) Pengajian Islam	0	0	0	51
	9. Sarjana Pendidikan (Pengurusan Disiplin)	2	4	2	6

BIL	FAKULTI / PROGRAM	2016	2017	2018	2019
		BILANGAN GRADUAN			
	10. Sarjana Pendidikan (Pengurusan Ko-kurikulum & Sukan)	5	0	0	0
	10. Doktor Pendidikan	12	13	10	7
	11. Doktor Falsafah Sains Sosial	1	1	0	1
	12. Doktor Falsafah Pendidikan (Melalui Penyelidikan)	0	1	0	1
	<b>JUMLAH MENGIKUT FAKULTI</b>	900	712	584	643
<b>4</b>	<b>Kejuruteraan dan Sains Hayat</b>				
	<b>Jabatan Bioperubatan dan Sains Kesihatan</b>				
	1. Diploma Kesihatan Persekitaran	26	10	16	7
	2. Diploma Pengimejan Perubatan	8	25	22	15
	3. Diploma Fisioterapi	25	21	22	6
	4. Diploma Teknologi Makmal Perubatan	37	25	20	26
	5. Diploma Kejururawatan	15	7	29	6
	6. Sarjana Muda Sains Makmal Perubatan (Kepujian)	4	66	66	66
	7. Sarjana Muda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kepujian)	1	2	8	12
	<b>JUMLAH</b>	116	156	183	138
	<b>Jabatan Sains dan Bioteknologi</b>				
	1. Diploma Teknologi Industri	41	24	22	27
	2. Diploma Industri Bioteknologi	11	8	7	7
	3. Diploma Akuakultur	10	10	7	8
	4. Diploma Sains Kuantitatif	3	3	2	6
	5. Ijazah Sarjana Muda Industri Bioteknologi (Kepujian)	38	31	34	27
	6. Ijazah Sarjana Muda Bioinformatik (Kepujian)	3	3	2	6
	7. Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Matematik dengan Statistik	20	15	6	10
	8. Sarjana Muda Sains Persekitaran (Kepujian) (Kepelbagaian Biologi dan	2	1	4	5

BIL	FAKULTI / PROGRAM	2016	2017	2018	2019
		BILANGAN GRADUAN			
	Pemuliharaan)				
	9. Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Industri	0	9	14	13
	<b>FAKULTI /PROGRAM</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
	10. Sarjana Sains (Bioteknologi)	1	0	1	1
	11. Sarjana Sains Hayat	0	0	0	1
	12. Doktor Falsafah Bioteknologi	0	0	0	0
	13. Doktor Falsafah Sains	0	0	0	1
	<b>JUMLAH</b>	129	104	99	112
	<b>Jabatan Kejuruteraan</b>				
	1. Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	11	4	3	3
	2. Diploma Kejuruteraan Mekatronik	0	3	1	1
	3. Diploma Kejuruteraan Mekanikal	6	9	3	6
	4. Diploma Kejuruteraan Awam	0	2	8	5
	5. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektrik	10	10	10	9
	6. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektronik	8	2	0	0
	7. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Mekanikal	48	16	19	11
	8. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Mekatronik	7	0	0	0
	9. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Awam	22	6	11	5
	10. Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Melalui Penyelidikan)	0	0	0	0
	11. Doktor Falsafah Kejuruteraan (Penyelidikan)	0	1	0	1
	<b>JUMLAH</b>	112	53	55	41
	<b>JUMLAH MENGIKUT FAKULTI</b>	357	313	337	291
<b>5</b>	<b>Selangor Business School</b>				
	1. Sarjana Pentadbiran Perniagaan	0	0	0	11

BIL	FAKULTI / PROGRAM	2016	2017	2018	2019
		BILANGAN GRADUAN			
	<b>JUMLAH MENGIKUT FAKULTI</b>	0	0	0	11
<b>6</b>	<b>Pusat Pengajian Asasi dan Umum</b>				
	1. Pengajian Tahun Asas (Sains)	29	50	17	23
	2. Program Asas Teknologi Maklumat	18	61	37	43
	3. Program Asas Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua)	70	91	132	79
	4. Program Asas Pengurusan	56	53	137	87
	<b>JUMLAH MENGIKUT FAKULTI</b>	173	255	323	232
<b>JUMLAH GRADUAN MENGIKUT TAHUN 2016 – 2019 (SETAKAT 17 OKT 2019)</b>		2996	2535	3003	2275

- b) UNISEL telah mengambil inisiatif memperkenalkan pendidikan percuma melalui pengecualian pembayaran yuran dalam program Dermasiswa. Program ini diperkenalkan pada tahun 2016. Sehingga kini seramai 983 pelajar telah memanfaatkan skim ini. Kerajaan Negeri memang mempunyai hasrat untuk memberi pendidikan percuma. Namun begitu, ini bergantung kepada kemampuan kewangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : MB INCOPORATED (MBI)**

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah ladang kontrak baru yang telah dibuka di Negeri Selangor dan berapakah jumlah sebenar sebelum ini?
- b) Nyatakan jumlah penerima untuk ladang kontrak baru ini.

**JAWAPAN:**

- a) Ladang kontrak di bawah seliaan Jabatan Pertanian dan FAMA bertujuan meningkatkan pendapatan petani dengan mengeluarkan produk tanaman mengikut kehendak pasaran di samping menjamin harga yang baik kepada petani. Sejak program ladang kontrak ini dijalankan oleh Jabatan Pertanian, 240 hektar ladang kontrak telah didaftarkan.
- b) Sebanyak 116.39 hektar dengan jumlah peserta 49 orang telah menerima manfaat bagi program ladang kontrak pada tahun ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PERUMAHAN**

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pembinaan Rumah Idaman Rakyat Selangor?

**JAWAPAN:**

c) Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Rumah Idaman Rakyat Selangor adalah pelengkap kepada Rumah Selangorku sediaada. Sehingga kini, sebanyak dua (2) projek perintis Rumah Idaman Rakyat Selangor yang diterajui oleh Pernerbadanan Menteri Besar (MBI) telah pun diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk dimulakan pembinaannya dalam usaha mempelbagaikan penyediaan dan pilihan Perumahan Mampu Milik di Negeri Selangor sebagai pelengkap kepada Rumah Selangorku bagi memenuhi keperluan golongan sasaran B40 & M40.

Kedua-dua projek ini kini dalam proses memperoleh kelulusan Kebenaran Pendirian Bangunan (KMB) dan Pelan Bangunan (BP) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seterusnya mendapatkan Permit Menjual dan Pengiklanan (APDL) daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ianya dapat ditawarkan kepada golongan sasaran. Perincian projek tersebut adalah seperti berikut:-

No	Pemaju	PBT	Status	Jumlah Unit
1.	Konsortium PNSB Construction	MPKj	Dalam proses memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang (KM)	2,059 Unit
2.	Trans Loyal Development	MPKj	Dalam proses memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang (KM)	Belum dimuktamadkan
<b>Jumlah</b>				<b>2,059 unit</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : BANTUAN PERNIAGAAN**

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana keberkesanan program galakan barangan eksport untuk para perniaga di Selangor?
- b) Senaraikan peserta di bawah program Kerajaan Negeri dan jenis barangan yang telah berjaya dieksport ke luar negara?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam usaha membantu syarikat IKS di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah menyediakan medium atau platform yang boleh membantu usahawan-usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan dan pasaran ke peringkat antarabangsa melalui penyertaan usahawan-usahawan tempatan dalam pameran yang diadakan di dalam dan luar negara seperti program Selangor International Business Summit, Penang International Halal Expo 2019, Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2019, The world Food & Beverage Great EXPO/ Premium Food Show 2019 Japan, HOFEX Hong Kong 2019, SIAL Jakarta 2019 dan lain-lain di mana sebahagian kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukkan Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan dan IKS Negeri Selangor.

Di samping penyertaan dalam pameran yang diadakan, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor juga turut membantu pihak syarikat untuk mengadakan pertemuan “Business Matching” bersama “Potential Buyers” sewaktu penyertaan di dalam program-program pameran di peringkat antarabangsa.

Penyertaan di dalam program MIHAS 2019 adalah merupakan satu kejayaan besar yang telah dicapai oleh pihak Invest Selangor dalam membantu IKS di Negeri Selangor mempromosikan produk-produk yang dihasilkan oleh mereka. Sebanyak 35 buah syarikat IKS telah terlibat didalam Pavilion Selangor pada MIHAS 2019 ini.

Berdasarkan soal selidik yang telah dibuat sebanyak **RM1,914,680.00** hasil jualan telah dicatatkan oleh syarikat IKS yang terlibat di dalam Pavilion Selangor ini. Beberapa buah syarikat IKS tersebut telah berjaya mendapat “enquiry” dan “closed deal” bersama pihak pembeli yang terdiri daripada syarikat luar negara dan juga pasaraya.

- b) Senarai peserta di bawah program Kerajaan Negeri dan jenis barangan yang telah berjaya di eksport ke luar negara seperti berikut;-

<b>BIL</b>	<b>SYARIKAT</b>	<b>JENIS PRODUK</b>
1.	<b>BGR FOODSERVICES SDN BHD</b>	Pes masakan
2.	<b>DOLUVO SDN BHD (SAY)</b>	Ice Bars / Ice cream
3.	<b>HP ARTISAN SDN BHD</b>	Produk makanan sejuk beku berasaskan durian
4.	<b>MAD ABOUT CAKE SDN BHD</b>	Biskut dan Kek
5.	<b>GT SPICE MANUFACTURERS SDN BHD</b>	Makanan Ringan (Muruku) dan Rempah Ratus
6.	<b>GRAMP'S ASIA (UNIQ MANUFACTURING SDN BHD)</b>	Air cleaner
7.	<b>KOLAM EMAS SDN BHD</b>	Kek dan Biskut
8.	<b>SAJIAN MASDAR SDN BHD</b>	Pes Makanan & Sambal
9.	<b>SR AVENUE SDN BHD</b>	Kek Buah & Waffles
10.	<b>PALM FIBER SDN.BHD.</b>	Minuman Kesihatan (Fiber Tea)
11.	<b>EL- HAJJ PRODUCTS SDN BHD</b>	Produk kosmetik dan pembersihan muka
12.	<b>KWF FOOD INDUSTRIES SDN BHD</b>	Produk minuman teh dan kopi
13.	<b>LAYAR SERI RESOURCES SDN BHD</b>	Seaweed snacks
14.	<b>QSR BRANDS (M) HOLDINGS BHD</b>	Produk makanan sejuk beku
15.	<b>HIZS RESOURCES</b>	Perusahaan Cili Boh
16.	<b>SINAR ARZA ENTERPRISE</b>	Memproses Kerepek Dan Aneka Biskut
17.	<b>BINARICH ENTERPRISE</b>	Snek Beras Pulut Rangup
18.	<b>SAMZA FOOD INDUSTRIES</b>	Sambal Hijau

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : MASALAH SOSIAL**

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana Kerajaan serius dalam menangani masalah sosial seperti LGBT, fahaman syiah dan ajaran sesat di Selangor?
- b) Berapakah jumlah terkini persatuan atau kumpulan yang telah difatwakan haram di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak JAIS sangat serius dalam menangani permasalahan sosial dan apa juga ancaman kepada pegangan dan prinsip Ahli Sunnah Waljamaah sebagai pegangan akidah umat Islam di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, JAIS, MAIS dan Jabatan Mufti Negeri Selangor sentiasa memberi penerangan dan penjelasan di pelbagai peringkat masyarakat dan menguatkuasakan semua peruntukan undang-undang mengenainya dengan tegas.
- b) Sebanyak 43 ajaran telah difatwakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : NAJIS DADAH**

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini tangkapan melibatkan najis dadah di Semenyih.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi individu/syarikat yang menjadikan bangunan/premis tempat pemrosesan najis dadah yang berskala besar?

**JAWAPAN:**

- a) Statistik Penahanan Penagih Melalui Operasi Cegah dan Operasi Bersepadu di kawasan Semenyih bagi tempoh Januari hingga Oktober

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH TANGKAPAN</b>
1	2018	169 orang
2	2019	110 orang

Agensi Antidadah Kebangsaan juga melaksanakan Program Perangi Dadah Habis-habisan yang memfokuskan kawasan berisiko tinggi termasuk Semenyih. Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019 di Semenyih adalah lima belas siri operasi mengesan dan menahan orang yang disyaki penagih dadah di kawasan port yang dikenal pasti untuk menjalani rawatan dan pemulihan. Tiga belas kali Program Community Empowerment iaitu memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai bahaya dadah dan menyedarkan ahli ahli komuniti mengenai peranan dan tanggungjawab dalam usaha memerangi dadah. Tiga puluh dua kali Program Omnipresence yang menyampaikan mesej antidadah secara *walkabout*, *walking message* dan bicara santai di samping rondaan.

- b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengambil tindakan membatalkan lesen perniagaan jika syarikat/ premis tersebut mempunyai lesen perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : JAMBATAN RUNTUH SCIENCE PARK2**

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan kerja-kerja pembinaan jambatan di Pekan Semenyih yang masih tertangguh dari tarikh siapnya?
- b) Nyatakan usaha yang dilakukan bagi tujuan pembinaan dan pembukaan jambatan Pekan Semenyih dapat dilakukan mengikut jadual.

**JAWAPAN:**

- a) Projek yang dimaksudkan adalah projek Menaiktaraf Jambatan Semenyih FT031/046/05 di Laluan FT 31, Jalan Semenyih, Daerah Hulu Langat. Projek ini masih di peringkat pembinaan dengan kemajuan Fizikal 95%, baki kerja melibatkan kerja perabot jalan. Tarikh siap semasa projek adalah pada **17 Oktober 2019** dan *Liquidated and Ascertained Damages, (LAD)* telah dikenakan kepada pihak kontraktor sebanyak RM1,372.81 sehari.

Projek ini dijangka dapat disiapkan pada hujung Disember 2019 dengan kontraktor dikenakan *LAD*.

- b) Pihak Jabatan melaksanakan beberapa tindakan untuk memastikan projek ini siap mengikut jadual
  - i. Mengeluarkan surat Amaran kepada Kontraktor sekiranya berlaku kelewatan.
  - ii. Mengadakan mesyuarat pemantauan secara berkala.
  - iii. Melaksanakan Intervensi bagi projek-projek yang sakit bagi mengenalpasti dan membantu menyelesaikan masalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : STATUS JEJANTAS DI BULATAN BANDAR SAUJANA PUTRA**

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini selepas pengumuman oleh Kerajaan Negeri bahawa ianya akan dibina seawal bulan Ogos 2018?
- b) Apakah jalan penyelesaian terkini dan alternatif penyuraian kesesakan lalulintas di kawasan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak pemaju LBS selaku pihak yang diberi tanggungjawab oleh pihak PNSB untuk melaksanakan pembinaan tersebut, sedang dalam proses mendapatkan ulasan muktamad dan kelulusan daripada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia.
- b) Pada ketika ini kaedah penyuraian kesesakan lalulintas adalah melalui kawalan trafik oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pada waktu puncak sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini kewangan Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Hutang Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan.
- c) Apakah projek-projek yang telah dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan ICU?

**JAWAPAN:**

- a) Status terkini kewangan Kerajaan Negeri Selangor sehingga 30 September 2019 adalah baik di mana masih terdapat lebih keseluruhan kewangan semasa sebanyak RM52.01 juta dan Kumpulan Wang Disatukan Negeri adalah berjumlah RM2,240.66 juta. Kumpulang Wang Disatukan ini adalah terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM828.79 juta, Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM1,401.78 juta dan Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak RM10.09 juta

Prestasi kewangan terkini Kumpulan Wang Disatukan pada 30 September 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak 4.93 peratus kepada RM2,240.66 juta berbanding RM2,135.37 juta pada tahun 2018.

- b) Hutang Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan

Jumlah terkini hutang Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan sehingga **30 September 2019** adalah berjumlah **RM1,108.06 juta**.

Perinciannya adalah seperti berikut:

- (i) Projek Bekalan Air : RM1,082.41 juta;
  - (ii) Skim Amanah Saham Selangor : RM8.43 juta; dan
  - (iii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor : RM17.22 juta.
- c) Pejabat Pembangunan Negeri Selangor (PPNS) tiada peruntukan khusus bagi melaksanakan projek-projek. Namun, Kerajaan Persekutuan komited dalam memastikan pembangunan yang inklusif di Negeri Selangor. Dengan itu, PPNS bertanggungjawab menyelaraskan pelaksanaan bagi peruntukan Khas oleh

YAB Perdana Menteri, Projek Mesra Rakyat (PMR) dan projek-projek kecil di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Bagi tahun 2019 peruntukan yang disalurkan kepada PPNS adalah seperti berikut:

- i. Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri: 7 projek (RM1,517,700.00) - Antaranya membaikpulih sekolah, surau/ masjid dan prasarana awam.
- ii. Peruntukan PMR (Fizikal): 1,057 projek (RM33,722,246.67) - Antaranya projek kecil berimpak tinggi yang memberi manfaat segera kepada rakyat di kawasan Parlimen seperti membina/menaiktaraf infrastuktur kecil, projek bekalan air/elektrik/pembentungan dan lain-lain.
- iii. Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi: 38 projek (RM10,297,000.00) - Antaranya membaikpulih sekolah, surau/ masjid dan prasarana awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : MASJID REKABENTUK KEBUDAYAAN CINA**

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaannya di Bandar Baru Klang yang telah diperuntukkan RM2.5 juta pada tahun ini?

**JAWAPAN:**

- a) Projek ini dalam peringkat penyediaan dokumen tender dan akan dijangka ditender hujung tahun 2019. Pembinaan dijangka akan bermula pada awal tahun 2020.